

Unit 18 Mesrai Alam

SP 3.2.2 Membina dan menulis jawapan pemahaman dengan berdasarkan soalan: (i) bertumpu & (ii) bercapah

Tahap Penguasaan (TP)

1. Sangat Terhad	2. Terhad	3. Memuaskan	4. Baik	5. Sangat Baik	6. Cemerlang
------------------	-----------	--------------	---------	----------------	--------------

Baca petikan di bawah. Jawab soalan-soalan yang berikut.

Kempen Cintai Alam Kita telah diadakan di tempat tinggal saya. Kempen ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan menjaga alam sekitar.

Antara aktiviti yang diadakan pada hari tersebut ialah aktiviti menanam pokok. Anak-anak pokok ditanam secara bergotong-royong. Aktiviti lain yang diadakan ialah pengumpulan barangan untuk dikitar semula. Barangan ini kemudiannya dihantar ke pusat kitar semula.

Kaum wanita pula menyertai pertandingan membuat kraf tangan daripada barang terpakai. Semua aktiviti mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk.

1 Apakah tujuan kempen ini diadakan?

2 Bagaimanakah anak-anak pokok ditanam?

3 Di manakah barangan kitar semula dihantar?

4 Mengapakah kita perlu cinta akan alam sekitar?

KBAT
